



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN KONFRONTASI INDONESIA-MALAYSIA TERHADAP MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT (1963-1966)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN KONFRONTASI INDONESIA-MALAYSIA TERHADAP MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT (1963-1966)

OVI FAUZIA TIHAMAYATI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (□)

Kertas Projek Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada Isnin, 12 Julai 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, OMAR FAUZIA TIHAMAYATI, M20181000513, FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN KONFRONTASI INDONESIA – MALAYSIA TERHADAP MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT, 1963-1966 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. SAHUL HAMID MOHAMED MAIDDIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk -SDA- (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama diatas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sejaran Asia Tenggara (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

DR. SAHUL HAMID BIN MOHAMED MAIDDIN
Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemahiran
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia

26.7.23

Tarikh



UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN
KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FOR**

Tajuk / Title: KESAN KONFRONTASI INDONESIA – MALAYSIA TERHADAP
MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT, 1963-1966

No. Matrik / Matric's No.: M20181000513

Saya / I : OVI FAUZIA TIHAMAYATI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. SAHIL HAMIS BIN MOHAMMED HAOBIN
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Nombor Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 24 JULAI 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan bersyukur ke hadrat Ilahi, tesis ini dapat disiapkan. Saya sangat berterima kasih kepada penyelia saya, keluarga saya, dan rakan-rakan saya yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Dari lubuk hati saya, saya mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin yang telah banyak membimbing dan membantu saya untuk menyiapkan tesis ini. Walaupun banyak kekurangan dan kesilapan saya, tapi beliau sentiasa bersabar dan tidak pernah berhenti membantu saya menyiapkan tesis ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia kedua saya iaitu Profesor Madya Dr. Ahmad Zainudin bin Husin yang telah membimbing saya sehingga saya dapat menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujuhan kepada ayah saya, Tihami, dan ibu saya, Fauziah, yang tidak henti-henti mendoakan dan menyokong saya dalam menyiapkan tesis ini. Tesis ini saya dedikasikan untuk orang yang sangat saya sayang, iaitu ibu bapa saya. Tanpa doa dan sokongan mereka, saya tidak akan sampai ke tahap ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada suami saya yang telah membantu dalam menyiapkan tesis ini dan telah sabar mendengar segala keluhan saya dalam menyiapkan tesis ini. Seterusnya, saya ucapkan terima kasih kepada kakak-kakak saya yang telah memberikan dukungan kepada saya. Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya di Indonesia dan rakan-rakan saya di PPI (Persatuan Pelajar Indonesia) UPSI, serta rakan-rakan *housemate* yang sentiasa menyokong saya dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih kerana sentiasa ada di titik terendah saya dan terus memberi semangat kepada saya. Untuk anda semua, tiada kata yang dapat menggambarkan penghargaan saya kepada anda. Tapi saya doakan semoga Allah membalas segala kebaikan yang anda berikan kepada saya. Aamiinn





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan konfrontasi Indonesia-Malaysia terhadap masyarakat Jawa di Batu Pahat. Fokus kajian ini berteraskan kepada tiga objektif utama iaitu pertama membincangkan latar belakang masyarakat Jawa di Batu Pahat semasa konfrontasi, kedua menghuraikan pengaruh hubungan Malaysia dan Indonesia terhadap perkembangan masyarakat Jawa di Batu Pahat. Terakhir, menganalisis kesan konfrontasi kepada masyarakat Jawa di Batu Pahat dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Metodologi kajian berasaskan kepada analisis data yang diperolehi dari sumber primer dan sumber sekunder. Sumber-sumber ini diperolehi dari Arkib Negara Malaysia dan Indonesia, perpustakaan universiti awam di Malaysia dan Indonesia. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber lisan, seramai 5 orang dari kalangan masyarakat Jawa di Batu Pahat telah dipilih menjadi responden yang akan ditemubual bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kajian ini. Maklumat ini akan dianalisis secara kritikan sumber untuk menentukan kebenarannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan pasang surut antara Indonesia dan Malaysia akibat konfrontasi memberikan kesan dari pelbagai sudut positif dan negatif kepada perkembangan masyarakat Jawa di Batu Pahat. Dari sudut yang positif, memperlihatkan berlaku kerjasama di antara masyarakat Jawa dalam mempertahankan diri, mereka menjadikan prinsip hidup dalam masyarakat Jawa sebagai panduan untuk mereka tetap bertahan berada di Batu Pahat. Selain itu melalui amalan sosial dan budaya, masyarakat Jawa juga dapat meningkatkan perpaduan (solidariti) antara mereka dengan masyarakat tempatan. Manakala dari sudut negatifnya masyarakat ini mengalami kesukaran dari sudut ekonomi sehingga menjaskan pendapatan sehari-hari dan kelangsungan hidup mereka. Ringkasnya kajian ini cuba menjelaskan situasi masyarakat Jawa di Batu Pahat dari sudut ekonomi dan sosial berikut dari pengisytiharan konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia. Implikasi kajian menjelaskan bahawa pentingnya hubungan yang baik antara negara yang menjalinkan hubungan diplomatik agar kesejahteraan, keselamatan dan kebijakan rakyat sama ada warganegara tempatan ataupun asing dari pelbagai aspek tetap terpelihara.





THE IMPACT OF CONFRONTATION INDONESIA-MALAYSIA ON THE JAVANESE COMMUNITY IN BATU PAHAT

ABSTRACT

This study aims to see the impact of confrontation Indonesia-Malaysia on the Javanese community in Batu Pahat. The focus of this study is based on three main objectives: first, to discuss the background of the Javanese community in Batu Pahat during the confrontation, second to describe the influence of the relationship between Malaysia and Indonesia on the development of the Javanese community in Batu Pahat. Lastly, it analyzes the impact of the confrontation on the Javanese community in Batu Pahat in the economic, political, social and cultural fields. This study uses a qualitative research method. The research methodology analyses data obtained from primary and secondary sources. These sources are obtained from the National Archives of Malaysia and Indonesia and public university libraries in Malaysia and Indonesia. In addition, this study also uses oral sources. A total of 5 people from the Javanese community in Batu Pahat have been selected as respondents who will be interviewed to obtain more information about this study. This information will be critically analyzed from sources to determine its veracity. The study's findings show that the ups and downs between Indonesia and Malaysia due to the confrontation had effects from various positive and negative angles on the development of the Javanese community in Batu Pahat. From a positive point of view, showing that there is cooperation between the Javanese community in self-defence, they use the principles of living in the Javanese community as a guide for them to live in Batu Pahat. In addition, through social and cultural practices, the Javanese community can also increase unity (solidarity) between them and the local community. While from an opposing point of view, this community is experiencing difficulties from an economic point of view, affecting their daily income and survival. In summary, this study tries to explain the situation of the Javanese community in Batu Pahat from an economic and social point of view following the declaration of Indonesia's confrontation with Malaysia. The study's implications explain the importance of good relations between countries that establish diplomatic relations to maintain the well-being, safety and welfare of the people, whether local or foreign citizens, from various aspects





KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang	2
1.3. Persoalan Kajian	14
1.4. Objektif Kajian	15
1.5. Pernyataan Masalah	15
1.6. Sorotan Literatur	17
1.7. Kepentingan Kajian	23
1.8. Skop Kajian	23
1.9. Metodologi Kajian	24
1.10. Pembahagian Bab	33
BAB 2 LATAR BELAKANG MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT PADA MASA KONFRONTASI 1963-1966	36





2.1. Pengenalan	36
2.2. Latar belakang masyarakat Jawa	37
2.2.1. Kedudukan Geografi Pulau Jawa	37
2.2.2. Pandangan Hidup Masyarakat Jawa	39
2.3. Identiti masyarakat Jawa	42
2.3.1. Identiti Budaya Jawa	45
2.3.2. Kepercayaan Masyarakat Jawa	46
2.3.3. Falsafah Hidup Masyarakat Jawa Di Batu Pahat	51
2.4. Sejarah awal masuknya masyarakat Jawa ke Johor	52
2.5. Sejarah awal masyarakat pendatang dari Jawa ke Batu Pahat	64
2.6. Latar Belakang Kawasan Batu Pahat	69
2.7. Penubuhan Malaysia dan cabarannya	77
2.8. Latar belakang konfrontasi Malaysia dan Indonesia	144
2.9. Masyarakat Jawa di Batu Pahat semasa konfrontasi berlaku	173
2.10. Kesimpulan	176



BAB 3 PENGARUH HUBUNGAN MALAYSIA DAN INDONESIA TERHADAP PERKEMBANGAN MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT (1957-1966)

3.1. Pengenalan	179
3.2. Hubungan Malaysia dan Indonesia selepas kemerdekaan Malaysia	180
3.3. Masyarakat pendatang dari Jawa di Batu Pahat tahun 1957	186
3.4. Hubungan Malaysia dan Indonesia pada masa konfrontasi	191
3.5. Hubungan Malaysia dan Indonesia selepas konfrontasi	238
3.6. Pengaruh hubungan Malaysia dan Indonesia terhadap perkembangan masyarakat Jawa di Batu Pahat	257
3.7. Kesimpulan	262

BAB 4 KESAN KONFRONTASI KEPADA MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT DALAM BIDANG EKONOMI DAN POLITIK (1963-1966)

4.1. Pengenalan	264
-----------------	-----





4.2. Keadaan politik Malaysia dan Indonesia pada masa konfrontasi	265
4.3. Keadaan ekonomi Malaysia dan Indonesia pada masa konfrontasi	288
4.4. Kesan konfrontasi kepada masyarakat Jawa di Batu Pahat dalam bidang politik dan ekonomi	295
4.5. Kesimpulan	304
BAB 5 KESAN KONFRONTASI KEPADA MASYARAKAT JAWA DI BATU PAHAT DALAM BIDANG SOSIAL DAN BUDAYA (1963-1966)	305
5.1. Pengenalan	305
5.2. Adaptasi masyarakat Jawa di Batu Pahat	306
5.3. Proses asimilasi antara masyarakat Jawa dan masyarakat tempatan di Batu Pahat	312
5.4. Kebudayaan Jawa yang masih terpelihara di Batu Pahat	331
5.4.1. Seni Muzik Gamelan	334
5.4.2. Wayang Purwo atau Wayang Kulit Jawa	338
5.4.3. Reog Ponorogo atau Barongan	341
5.4.4. Kuda Kepang	344
5.4.5. Tarian Bujang Ganong	349
5.4.6. Kotekan atau tadarus	351
5.4.7. Nasi Ambeng	353
5.4.8. Upacara Untuk Ibu Hamil Hingga Melahirkan	357
5.4.9. Kalender Jawa	362
5.4.10. Upacara Dalam Majlis Perkahwinan	363
5.4.11. Rewang atau Kerjasama Bersama	369
5.4.12. Wayang Wong	370
5.4.13. Peran kebudayaan Jawa di Batu Pahat	372
5.5. Kesan konfrontasi kepada masyarakat Jawa dalam bidang sosial dan budaya	375
5.6. Kesimpulan	382
BAB 6 PENUTUP	385
BIBLIOGRAFI	403





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

6.1.	Sumber primer	403
6.2.	Akhbar	406
6.3.	Buku	407
6.4.	Jurnal dan Artikel	410
6.5.	Temubual	413
6.6.	Internet	414
LAMPIRAN		416



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1. Bilangan Masyarakat Jawa-Madura di Indonesia dalam Tujuh Kategori Situasi mengikut Strata dan Jantina tahun 1962	59
2.2. Bilangan Masyarakat Jawa Timur di Indonesia yang Celik Huruf Latin Tahun 1961	66
2.3. Bilangan Penduduk Melayu Di Batu Pahat Mengikut Suku Kaum	77
3.4. Pasukan Sukarelawan Dwikora Ditubuhkan dan Diserahkan kepada KOTI untuk Mengganyang Malaysia	227
3.5. Menurut Rekod Anggota Korps Marinir, Anggota Yang Meninggal Dunia Semasa Dwikora Dan Mayat Mereka Diisytiharkan Hilang Di Wilayah Malaysia Antara 1964-1966	232
3.6. Menurut Rekod Anggota Korps Marinir, Anggota Yang Meninggal Dunia Semasa Dwikora Di Wilayah Pontian Johor Antara 1964-1966	233
4.7. Senarai Nama-Nama Banduan-Banduan Warganegara Indonesia Yang Masih Menjalani Hukuman Penjara Kerana Kegiatan-Kegiatan Semasa Konfrontasi	276
5.8. Proses Asimilasi Pada Masyarakat Minoriti Dan Majoriti	313
5.9. Bilangan Masyarakat Jawa Timur di Indonesia yang Celik Huruf 1961	328





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1.	Peta Pulau Jawa, Indonesia	37
2.2.	Peta Johor di Abad Kesembilan Belas	53
3.3.	Amanat Presiden Soekarno Terhadap Konfrontasi Malaysia Dalam Bidang Ekonomi	216
3.4.	Peta Lokasi Pasukan Tentera Indonesia yang mendarat di Pantai Pontian, Johor	224
3.5.	Peta Lokasi Pasukan Askar Payung Terjun Indonesia Digugurkan Dari Kapal Terbang Di Kawasan Labis Pada Pukul 2.40 AM	224
3.6.	Komando (Perintah) Ganyang Malaysia	225
4.7.	Surat Pernyataan Detasemen Sukarelawan Malaya (Den Malaya)	281
4.8.	Alat Yang Digunakan Oleh Masyarakat Jawa untuk Berjaga Malam Semasa Konfrontasi	296
4.9.	Kubu Kampung Yang Pernah Digunakan Untuk Jaga Malam Semasa Konfrontasi	297
5.10.	Penampilan Barongan Semasa Menyambut Tahun Baharu Cina di Batu Pahat	318
5.11.	Pakaian Penari Jathil yang Telah Diubahsuai dengan Kebudayaan Malaysia	323





5.12.	Alat Muzik Seruling Dariipada Jawa Yang Telah Diubahsuai Dengan Dihias Menggunakan Bendera Malaysia	324
5.13.	Seni Kebudayaan Barongan Dari Kawasan Pontian Yang Telah Diubahsuai Dengan Kebudayaan Tempatan	325
5.14.	Alat Muzik Kempul Dan Kenong Yang Dipakai Oleh Masyarakat Pendatang Dari Jawa Ketika Meneroka Kampung Di Batu Pahat	337
5.15.	Kuda Kepang Yang Telah Dibawa Masuk Ke Batu Pahat Tahun 1928	344
5.16.	Contoh Kembang Mayang Yang Digunakan Untuk Upacara Pernikahan Pada Masyarakat Pendatang Dari Jawa	365
5.17.	Contoh Rewang Dalam Pemasangan Tenda Yang Dilakukan Oleh Masyarakat Pendatang Dari Jawa Dan Masyarakat Berketurunan Jawa	370





SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- D Halaman Penghargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman *Abstract*
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Rajah
- J Surat Izin Penyelidikan
- K Senarai Soalan Temubual
- L Lampiran Gambar
- M Kandungan Perjanjian Untuk Menormalkan Hubungan Antara Indonesia dan Malaysia





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan



Bab ini membincangkan secara umum mengenai latar belakang hubungan naik dan turun antara Malaysia dan Indonesia di tahun 1957 hingga 1966 terhadap perkembangan masyarakat Jawa yang berpindah ke kawasan Batu Pahat. Di tahun-tahun tersebut, hubungan antara kedua-dua negara telah memberi impak yang kuat kepada masyarakat Jawa di Batu Pahat, khasnya di tahun 1963 hingga tahun 1966. Ini kerana di tahun tersebut telah berlaku konfrontasi antara kedua-dua negara. Konfrontasi ini berlaku kerana Indonesia menentang idea penubuhan Persekutuan Malaysia kerana menganggap pembentukan Persekutuan Malaysia sebagai projek neokolonialisme British. Idea penubuhan ini menyebabkan Soekarno risau jika kawasan Tanah Melayu akan menjadi pangkalan tentera Barat di Asia Tenggara dan boleh mengganggu kestabilan di kawasan Asia Tenggara.





1.2. Latar belakang

Pada tahun 1945, Indonesia telah berjaya lebih dulu mendapatkan kemerdekaan daripada Malaysia yang berjaya mendapatkan kemerdekaan di tahun 1957. Walaupun demikian, Indonesia masih mempunyai pelbagai cabaran, khasnya dalam bidang ekonomi. Mobiliti penduduk (migrasi) dalam masyarakat Jawa menunjukkan kekerapan yang semakin meningkat. Ini kerana mobiliti penduduk dilihat sebagai usaha alternatif untuk meningkatkan taraf hidup penduduk. Realiti ini berlaku untuk semua negara membangun, salah satunya adalah Indonesia. Pertumbuhan pesat tenaga kerja tidak disertai dengan usaha mewujudkan peluang pekerjaan yang mengakibatkan pengangguran terbuka berulang setiap tahun¹. Oleh itu, tidak hairanlah Indonesia mempunyai kadar pengangguran yang lebih tinggi setiap tahun. Disebabkan masalah ini, banyak orang Jawa dalam usia produktif mereka cenderung memilih untuk meninggalkan wilayah asal mereka ke negara lain yang dianggap lebih baik dari segi ekonomi.

Malaysia merupakan satu daripada negara yang mempunyai banyak pendatang dari Indonesia termasuk orang Minang, Jawa, Aceh, dan Bugis. Masyarakat Jawa merupakan golongan majoriti yang ingin memperbaiki nasib di negara ini. Satu daripada negeri di Malaysia yang mempunyai banyak pendatang dari Jawa ialah Johor khasnya kawasan Batu Pahat. Sebab mereka memilih untuk berpindah ke negara jiran

¹ M Arif Nasution. 2001. *Orang Indonesia di Malaysia*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. Hal v





juga berbeza, ada yang didorong oleh faktor ekonomi semasa, ada juga yang meninggalkan tempat kerana peristiwa yang membawa kepada ancaman dan ketidakstabilan dari pelbagai aspek baik dari segi ekonomi, sosial, mahupun politik. Selain itu, kerana hubungan baik antara Malaysia dan Indonesia dan juga kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan, seperti sudut etnik yang sama, serta budaya dan agama yang sama². Kewujudan persamaan ini juga menjadi faktor tarikan kuat bagi masyarakat Jawa untuk berpindah ke Batu Pahat. Oleh itu, Malaysia sangat diminati oleh pendatang dari Indonesia khususnya orang Jawa.

Abad ke-19 adalah era perubahan ekonomi dunia di rantau Asia Tenggara, terutama Kepulauan Melayu, ia merupakan kawasan bekalan utama bahan mentah ke negara-negara Eropah. Oleh itu, penjajah telah mula melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi mereka³. Pada awal abad ini, Tanah Melayu dijajah oleh British. Pada masa penjajahan tersebut, British mengalami masalah kekurangan tenaga kerja, kerana bilangan penduduk tempatan yang sedikit, dan kurangnya minat penduduk tempatan untuk bekerja sebagai buruh bagi kapitalis barat dan kerajaan. Kerana itu, untuk menyelesaikan masalah ini, British membuat rancangan pembangunan pertanian dengan membuka kawasan baharu di luar bandar. Ini bermakna bahawa British memerlukan banyak sumber manusia, berpengalaman, dan juga berdedikasi. British pun sangat berharap kepada penghijrah-penghijrah yang berasal daripada Indonesia. Pada masa ini, orang-orang Jawa adalah kumpulan paling banyak berminat untuk datang ke Tanah Melayu. Ini kerana peluang yang besar untuk

² Rohani Hj. Ab. Ghani. 2012. *Malaysia-Indonesia: Kepelbagaian Sudut Pandang*. Malaysia: UUM Press. Hal 1

³ Khazin Mohd. Tamrin. 1984. *Orang Jawa di Selangor: Kedatangan dan Penempatan 1880-1920*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran. Hal 68





bekerja sebagai buruh dan membuka hutan⁴.

Selain itu, sejak pertengahan abad ke-19, semasa kegiatan ekonomi mula giat dijalankan di Tanah Melayu, kerajaan Johor juga menggalakkan kedatangan para perantau untuk kemajuan kerajaan Johor. Terdapat pelbagai berita berkaitan dengan keadaan dan persekitaran yang lebih baik di Tanah Melayu. Ini antara faktor penarik pendatang untuk berhijrah ke Johor. Berita-berita tersebut disebarluaskan oleh orang-orang Bugis pemilik perahu atau nakhoda perahu layar yang mengangkut pekerja dari Jawa ke Tanah Melayu. Daripada kalangan mereka yang banyak berita kepada ahli keluarga yang berada di Sulawesi. Banyak yang di ceritakan berkaitan dengan kesuburan yang dimiliki oleh Tanah Melayu, khasnya Johor. “Seperti yang diungkapkan oleh keturunan perantau-perantau Bugis: “di sana susah, di sini senang, di sana kerja lebih susah, di sini untung lebih banyak, di sana tidak ada peluang untuk menambah harta, di sini kita boleh menjadi kaya”⁵. Justeru, tidak hairanlah banyak rakyat Indonesia berminat untuk berpindah ke Johor khasnya kawasan Batu Pahat.

Merantau ke tempat lain, umpama seperti mengutip maruah, wibawa, pengalaman, jati diri, dan pengetahuan untuk membina peribadi diri. Masyarakat Jawa juga terdapat tradisi “ngababakan”. Dalam tradisi ini mengesyorkan penghijrahan ke

⁴ *Ibid*, hal 68

⁵ Rahilah, O., Khazin, M. T., dan Nelmawarni. 2009. *Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis Ke Tanah Melayu: Kajian Kes Di Johor*, Jebat, (36). Hal 46





tempat yang baharu atau yang lebih baik daripada kampung halaman. Terdapat beberapa istilah untuk menggambarkan tindakan berhijrah yang dilakukan oleh masyarakat Jawa iaitu “ngelembara, boyongan, dan minggat”. Kata boyong yang merujuk kepada kedatangan ataupun berpindah secara bersama dengan keluarganya. Bila kata minggat merujuk kepada tindakan melarikan diri dari suatu kejadian yang tidak diinginkan dan ngelembara merujuk pada tindakan merantau atau mengembara⁶.

Tahun 1957 merupakan tahun istimewa bagi Malaysia. Ini kerana, pada tahun tersebut, Malaysia telah mencapai kemerdekaannya. Ketika Malaysia merdeka, situasi politik antarabangsa pada masa itu dipenuhi dengan konflik antara Blok Barat di bawah pimpinan Amerika Syarikat dan Blok Timur di bawah pimpinan Kesatuan Soviet. Konflik antara dua blok telah banyak mempengaruhi pembentukan dasar luar. Malaysia, sebagai sebuah negara yang baru merdeka, amat mementingkan keselamatan negaranya. Ketika itu tiada pilihan lain untuk Malaysia, selain pro-Barat, kerana pertahanan Malaysia ketika itu sangat bergantung kepada British sebagai anggota Blok Barat. Atas sebab itu, pada tahun 1957 Tunku Abdul Rahman menandatangani satu perjanjian dengan British yang berisi Perjanjian Pertahanan British-Tanah Melayu, atau sering disebut sebagai AMDA (*Anglo-Malaya Defence Agreement*), yang menyerahkan tanggungjawab pertahanan Tanah Melayu kepada British, sekiranya Malaya diserang dari luar. Ini bermakna bahawa tidak ada pilihan lagi bagi Malaya selain bersikap pro-Barat⁷.

⁶ Mohd Akbal Abdullah dan Rafiuddin Afkari Abdul Fattah. 2013. *Diaspora Rumpun Melayu di Muar, Johor, Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Diaspora dan Deklarasi Daerah Kembar Siak dengan Dungun, Terengganu, di Siak, pada 15-17 November 2013, Hal 2-3

⁷ Linda Sunarti. 2014. *Politik Luar Negeri Malaysia terhadap Indonesia, 1957-1976: Dari Konfrontasi Menuju Kerjasama*. Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah, Vol 2, (No 1), hal 68





Dalam pandangan Tunku, Perjanjian Pertahanan tersebut adalah penting bagi Tanah Melayu yang baru mendapatkan kemerdekaan. Ini kerana dalam perjanjian tersebut, kerajaan Britain bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan Tanah Melayu daripada sebarang pencerobohan asing. Ini menjadikan kerajaan Persekutuan memberi kebenaran kepada Britain untuk menempatkan tenteranya di kawasan-kawasan tertentu. Bagaimanapun, dalam menentukan jumlah anggota, kedudukan pangkalan serta besar pangkalan ditentukan oleh kerajaan Persekutuan. Selain berhubung dengan pertahanan yang memberikan jaminan keselamatan, perjanjian ini juga memperakukan tanggungjawab Britain kepada Tanah Melayu dalam bantuan kewangan, kelengkapan tentera, dan latihan ketenteraan dalam usaha menuju dan membentuk sebuah pasukan tentera Tanah Melayu yang cekap. Perjanjian ini dapat mengurangkan beban belanja keselamatan yang tinggi, memandangkan kerajaan hanya mampu memperuntukkan satu persepuhlus daripada hasil pendapatan negara untuk tujuan tersebut⁸.

Sejak mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, hubungan Tanah Melayu dan Indonesia adalah rapat dan mesra. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia yang berada di Kuala Lumpur dalam perayaan kemerdekaan Tanah Melayu pernah berkata, “Kebebasan Tanah Melayu akan membuka lembaran baharu dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Ini akan meningkatkan kerjasama kebudayaan dan bahasa⁹. Oleh itu, perjanjian kerjasama antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang juga semakin

⁸ Arkib Negara Malaysia. 1990. Hari Ini dalam Sejarah, jilid IV. Arkib Negara Malaysia: Kuala Lumpur.

⁹ Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal 11.



meningkat.

Di tahun 1966 juga mempunyai sejarah bagi Malaysia, kerana tahun ini konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia berakhir. Dalam buku “Soekarno: Biografi Politik” yang diterbitkan pada tahun 2001 mentafsirkan bahawa konfrontasi iaitu sebagai tekanan diplomatik dan ekonomi, serta penggunaan kekuatan tentera yang sangat terhad, iaitu di peringkat paling bawah¹⁰. Konfrontasi ini mula terjadi pada tahun 1963. Konfrontasi adalah cabaran terbesar bagi Malaysia, kerana ia perlu menghadapi rintangan dan cabaran pada usia muda dan tidak mempunyai banyak pengalaman dalam pengurusan konflik. Punca konfrontasi yang berlaku antara Malaysia dan Indonesia adalah kerana perjanjian yang dibuat oleh Tunku dengan MacMillan untuk menubuhkan Malaysia yang mengandungi Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak, dan Sabah¹¹.

Soekarno sebagai Presiden Indonesia ketika itu mengatakan bahawa penubuhan Malaysia dipengaruhi oleh imperialis British, Soekarno mengharapkan Malaysia merdeka sepenuhnya tanpa ditunggangi oleh British. Selain Indonesia, Filipina turut menentang pembentukan Persekutuan Malaysia. Ini kerana mengikut sejarah, Sabah adalah hak milik Sultan Sulu yang dikenakan cukai kepada British. Walau demikian, Filipina tidak dapat membuktikan kesahihan tuntutan mereka

¹⁰ Sugih Biantoro. 2011. *Masyarakat Perbatasan Di Sebatik Masa Konfrontasi 1963 – 1966*. (Tesis Magister, Universitas Indonesia, 2011). Diakses dari

<https://lib.ui.ac.id/detail?id=20251680&lokasi=lokal#> pada 01 Oktober 2022 pukul 08.00 AM

¹¹ Nik Anuar Nik Mahmud. *Op. Cit.*, hal 09



terhadap wilayah Sabah daripada segi undang-undang.

Bagaimanapun, Soekarno memberi kenyataan bahawa pendapat masyarakat tempatan diperlukan untuk menyertai Persekutuan Malaysia atau mereka mahu berdiri sendiri sebagai sebuah negara yang merdeka. Indonesia dan Filipina akan menyambut dengan baik pembentukan negara Malaysia sekiranya ia melalui proses pengundian daripada masyarakat tempatan (Sabah dan Sarawak) dan seterusnya diluluskan oleh masyarakat tempatan¹². Indonesia memberi kenyataan bahawa pembentukan Persekutuan Malaysia merupakan suatu bentuk neokolonialisme yang akan mengancam Indonesia sebagai negara jiran daripada Malaysia. Walaupun demikian, konfrontasi yang dilakukan oleh Indonesia ke atas Malaysia merupakan pandangan yang disuarakan daripada PKI dan kemudian telah mempengaruhi Soekarno sebagai presiden Indonesia.

Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia dinyatakan telah menubuhkan satu ikatan hasil penggabungan dengan empat negeri, iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Ini menyebabkan Indonesia marah dan menentang pembentukan negara Persekutuan Malaysia kerana penyelidikan yang dilakukan oleh PBB belum selesai, dan dianggap sebagai satu penghinaan besar kepada Indonesia dan Filipina. Kerana itu, Soekarno menolak penubuhan Malaysia dan mengatakan akan

¹² *Ibid*, hal 29-30





mengganyang Malaysia¹³.

Walaupun demikian, perwakilan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nation Malaysia (UNM) telah dibentuk oleh setiausaha PBB iaitu Maha Thray Sithu U Thant. Beliau menghantar wakilnya iaitu Lawrence Michelmore dari Amerika Serikat bersama-sama tujuh orang wakil daripada Czechoslovakia, Argentina, Brazil, Ceylon, Pakistan, Jepun, dan Republik Arab Bersatu untuk meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sabah dan Sarawak¹⁴. Tetapi, Indonesia terus melakukan konfrontasi ke atas Malaysia.



Untuk menghadapi konfrontasi dengan Malaysia, Soekarno sebagai presiden Indonesia telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia dalam bidang ekonomi, politik, dan sebagainya. Pada masa konfrontasi berlaku (1963-1966) dan beberapa tahun kemudian, penghijrahan dari Indonesia ke Malaysia terhenti. Penghijrahan berkuat kuasa semula pada pertengahan 1970-an. "Proses migrasi yang berlangsung baik sebelum kemerdekaan dicapai sehingga tahun 1970-an". Soekarno melaungkan ungkapan "Hancurkan Malaysia" dengan tujuan untuk mengekalkan kebanggaan negara Indonesia di mata Malaysia dan juga di dunia

¹³ Efantino dan Arifin. 2009. *Ganyang Malaysia! Hubungan Indonesia-Malaysia sejak Konfrontasi sampai Konflik Ambalat*. Yogyakarta: Biro Pustaka, hal 33

¹⁴ Ramlan bin Adam. 2010. *Sejarah Tingkatan 5 Buku Teks Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz Sdn Bhd. Hal 157





antarabangsa. Dalam kata-katanya, Soekarno dengan penuh semangat berkata:

Kalau Malaysia mau konfrontasi ekonomi kita hadapi dengan konfrontasi ekonomi, jika Malaysia ingin konfrontasi politik, kita hadapi Malaysia dengan konfrontasi politik, dan jika Malaysia mau konfrontasi Militer, kita hadapi dengan konfrontasi militer. Merdeka!!¹⁵.

Pada asasnya, konfrontasi yang dilakukan Indonesia ke atas Malaysia didasari oleh perbezaan ideologi politik yang diamalkan oleh kedua-dua negara dan kemudiannya telah membawa kepada kemunculan masalah-masalah lain dalam hubungan antara kedua-dua negara. Selepas Malaysia merdeka, Malaysia mengamalkan dasar luar negara yang pro-Barat. Manakala Indonesia berideologikan fahaman nasional sosialis yang mirip kepada komunisme. Walaupun Soekarno sebagai presiden Indonesia pada masa itu menafikan bahawa Indonesia bukan negara yang mirip kepada komunisme namun berdasarkan kepada pengaruh PKI (Partai Komunis Indonesia). Tetapi dalam masa pemerintahannya, Soekarno lebih cenderung kepada elemen komunisme¹⁶.

Berasaskan kepada pengalaman lepasnya di bawah penjajahan Belanda,

¹⁵ Efantino dan Arifin. 2009. *Ganyang Malaysia! Hubungan Indonesia-Malaysia sejak Konfrontasi sampai Konflik Ambalat*. Yogyakarta: Biro Pustaka, hal 33

¹⁶ Rohani Hj. Ab. Ghani dan Zulhilmi Paidi. 2010. *Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun*. Seminar on National Resilience. Hal 228. Diakses dari https://scholar.google.co.id/citations?view_op=view_citation&hl=id&user=PKMsUQIAAAJ&citation_for_view=PKMsUQIAAAJ:u-x6o8ySG0sC pada 24 Oktober 2022 pukul 07.49 AM





Indonesia telah membentuk prinsip anti kolonialisme dan revolusioner. Selain itu, juga telah menyebabkan negara Indonesia tidak “mesra Barat” berbanding dengan hubungannya kepada kuasa-kuasa dari Blok komunis dan Negara-Negara Berkecuali. Dalam buku Mendjaung Antara Dua Karang yang ditulis oleh Hatta di tahun 1951 menyatakan bahawa tidak dapat dinafikan walaupun pada masa itu Indonesia mengamalkan dasar bebas aktif, namun Indonesia mempunyai hubungan yang rapat dengan negara China. Selain itu, Indonesia juga telah melibatkan negara China dalam beberapa projek pembangunan ekonomi di Indonesia. Soekarno telah memohon bantuan kepada China untuk membiayai beberapa projek yang berkaitan dengan CONEFO (Conference of the New Emerging Force), termasuk juga membina bangunan CONEFO di Jakarta¹⁷.



Walaupun Malaysia dan Indonesia mengalami masa yang sukar dalam masa konfrontasi, dan hubungan antara kedua-dua negara terputus selama kira-kira tiga tahun, hubungan antara Malaysia dan Indonesia dapat diteruskan dengan baik. Pada 31 Ogos 1967, Pegawai Pengangkutan Malaysia yang berpangkalan di Jakarta dan Pegawai Perhubungan Indonesia di Kuala Lumpur telah menjalankan semua misi diplomatik dari kedua-dua negara ini. Dengan Perjanjian Pemulihan Persahabatan yang telah dimeterai pada 11 Ogos 1966, ia mewujudkan paradigma baharu, iaitu "memikirkan perlunya hubungan dua hala yang lebih erat dan diterjemahkan ke dalam konteks yang lebih luas, iaitu bekerjasama untuk mewujudkan hubungan luar negeri

¹⁷ Rohani Hj. Ab. Ghani. 2021. Hubungan Indonesia-Barat dalam Pasca 1965. Akademika 91(3). Hal 106. Diakses dari https://scholar.google.co.id/citations?view_op=view_citation&hl=id&user=PKMsUQIAAAJ&citati on_for_view=PKMsUQIAAAJ:qUcmZB5y_30C pada 24 Oktober 2022 pukul 08.30 AM



antara negara-negara di Asia Tenggara"¹⁸. Pemulihan hubungan antara kedua-dua negara telah memberikan kebahagiaan kepada masyarakat di kedua-dua negara, khasnya masyarakat Jawa yang telah berpindah ke Batu Pahat.

Masyarakat Jawa di Batu Pahat merupakan masyarakat pendatang yang berhijrah ke tanah Melayu dan membina penempatan di Batu Pahat. Masyarakat Jawa sangat banyak berhubung dengan orang-orang dari Tanah Melayu. Masyarakat berketurunan Jawa di Batu Pahat adalah generasi ketiga dan keempat, kerana nenek moyang mereka kebanyakannya datang pada tahun 1900-an dan ada yang lebih awal daripada itu untuk memenuhi keperluan pekerjaan dalam sektor pertanian. Terdapat beberapa kumpulan orang Jawa yang menetap di Malaysia Barat seperti kumpulan Ponorogo, Bangelan, Mataram dan Kendal. Kebanyakan mereka tinggal secara berkumpulan di negara pantai barat seperti Johor, Selangor dan Perak¹⁹.

Bilangan masyarakat Melayu berketurunan Jawa di Malaysia adalah antara yang paling banyak jika dibandingkan dengan pendatang dari etnik lain, seperti Bugis dan Aceh. Mereka menetap di pelbagai negeri di Malaysia, seperti di negeri Selangor, Perak, dan Johor. "Sebahagian besar (sekitar 70 peratus) imigran Indonesia yang bekerja di sektor pembinaan di Malaysia adalah berasal dari Pulau Jawa (terutama dari

¹⁸ Rohani Hj. Ab. Ghani. 2012. *Malaysia-Indonesia: Kepelbagaian Sudut Pandang*. Malaysia: UUM Press. Hal 18

¹⁹ Nurul Aznina Mohd Salleh, Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. *Struktur Suku Kata Dasar Bahasa Jawa Parit Sulong*. Jurnal Melayu Bil. 16 (1), Mei, hal 83



Jawa Timur dan Jawa Tengah) dan diikuti mereka yang berasal dari Sumatera”²⁰. Dari tahun ke tahun bilangan masyarakat Jawa semakin bertambah dan akhirnya mereka membina kampung sendiri di Batu Pahat.

Perantau yang datang dari Jawa cenderung mengamalkan peraturan hidup dari tanah leluhur mereka di tempat baharu. Amalan perantau yang berterusan ini berpunca daripada keterbukaan orang Melayu tempatan yang menerima kehadiran mereka, tidak kira dari mana dan siapa mereka, Jawa, Bugis atau Banjar. Integrasi budaya dan sosialisasi mereka dengan masyarakat tempatan berlaku melalui perkahwinan dan perhubungan pertuturan seharian. Pergaulan dalam bentuk persaudaraan menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan struktur masyarakat tempatan²¹.



